

TARIKH	25/7 / 2016	SEKSYEN	Negara
MUKA SURAT	16	RUANGAN	

Larangan lawat ladang unta masih kekal elak virus MersCoV

YAN - Larangan melawat ladang unta sepanjang musim haji kali ini masih dikekalkan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom (gambar kecil).

Katanya, peraturan yang dikuatkuasakan sejak tahun lalu berikutan serangan Virus Sindrom Pernafasan Asia Barat-Virus Korona (MersCoV) masih diguna pakai sehingga pengumuman baharu dibuat kerajaan Arab Saudi.

"Saya ingin berpesan juga kepada bakal jemaah haji negara



KERATAN Kosmo/19 Februari 2015.


ini jangan ada yang senyap-senyap cuba mengadakan lawatan ke ladang unta melainkan sekiranya dibenarkan pihak berkuasa Arab Saudi.

"Nasihat saya jangan membuat lawatan kerana kesannya bukan seorang, sebaliknya boleh mengakibatkan ramai jemaah lain turut dijangkiti," katanya kepada pemberita selepas me-

lancarkan Konvoi Skwad Briged Sukarelawan Kolej Komuniti di Masjid Jamek Badlishah di sini semalam.

Dalam perkembangan berkaitan, Jamil Khir berkata, Tabung Haji (TH) sudah melakukan persediaan rapi termasuk menyediakan pasukan perubatan bagi memberikan perkhidmatan kepada seramai 22,320 jemaah Malaysia sepanjang musim haji tahun ini.

"Penerbangan pertama dijadualkan pada 4 Ogos ini dan sama seperti tahun sebelum ini, TH akan membawa pasukan perubatan sendiri. Kerajaan Arab Saudi juga turut memperkmaskan lagi pasukan perubatan mereka di sana," katanya.



JEMAAH haji Malaysia dilarang membuat lawatan ke ladang unta semasa mengerjakan haji bagi mengelak serangan virus MersCoV. - Gambar hiasan